



PERANGKAAN

Sektor Pengangkutan & Infokomunikasi
Negara Brunei Darussalam



2012 – 2022

Isi Kandungan

PETIKAN-PETIKAN TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEKAPUR SIRIH

4

KATA PENGANTAR

5 – 6

RINGKASAN EKSEKUTIF

7 – 10

1

SEKTOR PENGANGKUTAN

- 1.1 Pengangkutan Udara 12 – 17
- 1.2 Pengangkutan Darat 18 – 22
- 1.3 Keselamatan Jalan Raya 23 – 24
- 1.4 Pengangkutan Laut 25 – 30
- 1.5 Perkhidmatan Kajicuaca 31 – 33

2

SEKTOR INFOKOMUNIKASI

- 2.1 Telekomunikasi 35 – 39
- 2.2 Perkhidmatan e-Kerajaan 40 – 43
- 2.3 Perkhidmatan Pos 44 – 48

Petikan-Petikan Titah
**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji
Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

**Petikan Titah Perutusan:
Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-38 Bagi Tahun 1443H/2022M**

“Kita menyedari bahawa usaha-usaha pemulihan ekonomi, kesan dari wabak koronavirus adalah memerlukan langkah berhati-hati, termasuk dengan melonggarkan sekatan yang dahulunya menyebabkan kegiatan perekonomian terjejas. Dan sehubungan itu telah memaksa sektor awam dan swasta untuk menerapkan budaya penggunaan Teknologi Maklumat dalam kehidupan seharian. Ini menjadikan kita perlu mempercepatkan pengukuhan Transformasi Digital bagi memastikan norma baharu dapat dilaksanakan dengan berkesan. Perkara ini adalah selaras dengan matlamat Pelan Induk Ekonomi Digital 2025.”

**Petikan Titah:
Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2020**

“Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan mengikuti perkembangan Era-Digital yang sering dikaitkan dengan Fourth Industrial Revolution, di mana teknologi seperti Edge, Cloud, Artificial Intelligence dan Extended Reality akan turut memacu transformasi industry Digital.”

**Petikan Titah:
Sempena Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-15
Majlis Mesyuarat Negara 2019**

“Ini sesuai dengan kepesatan teknologi yang membawa perubahan besar dalam kehidupan, termasuk kemajuan industri digital yang memfokus kepada internet of things, artificial intelligence dan seumpamanya, dimana Fourth Industrial Revolution akan menjadi salah satu agenda utama dalam memperkasa masyarakat, khasnya masyarakat penuntut, peniaga dan pihak Kerajaan sendiri, termasuk akan mengubah landscape kehidupan seharian.”

**Petikan Titah:
Perasmian Majlis Ilmu 2016 Sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Yang Ke-70
pada 23 Ogos 2016**

“Sistem perhubungan dan pengangkutan yang cemerlang adalah sejajar dengan kehendak syari’at Islam, untuk memudahkan ummah bertebaran di muka bumi bagi mencari ilmu dan rezeki.

Tidak diragukan lagi, perhubungan yang sihat, berkat dan selamat akan membawa kepada kejayaan dan kesejahteraan. Namun begitu, perlu juga diingat, bahawa ledakan teknologi kini tidak kurang membawa kepelbagaiannya gaya hidup dikalangan masyarakat sejagat. Ada yang baik dan ada juga yang buruk. Kerana itu, semuanya mesti dilihat dan dikendalikan dengan bijaksana.

Kita sedia memahami, bahawa seluruh dunia kini adalah terkait dengan rangkaian pengangkutan dan ICT canggih. Ia menjamin pengurusan yang cepat dan mudah untuk kemajuan masa depan.”

Sekapur Sirih

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَاتُهُ



Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjangkan ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya juga, Buku Perangkaan Sektor Pengangkutan dan Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam 2012 – 2022 berjaya diterbitkan dengan kerjasama daripada Jabatan-Jabatan serta Agensi-Agenzi Pihak Berkuasa di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC).

Perangkaan-perangkaan yang dikumpulkan seperti ini sudah setentunya membolehkan penganalisaan data dan penggunaannya oleh Kementerian ini, Jabatan-jabatan dan pihak-pihak yang berkepentingan didalam membuat apa jua perancangan dan keputusan secara objektif dengan berpandukan cerapan data. Dengan cara ini, Insha Allah penggubalan dasar ataupun apa jua usaha-usaha yang diperkenalkan akan lebih berkesan dan menghasilkan kesudahan yang diinginkan. Pada masa yang sama, pemantauan berterusan juga boleh dilakukan untuk menilai hasil dasar serta usaha-usaha yang diperkenalkan itu dan untuk lebih memahami apa jua kesan sesuatu peristiwa dan pengaruh keadaan semasa.

Dari perangkaan-perangkaan yang dikumpulkan, jelas menunjukkan terdapat tren perkembangan yang positif dan menggalakkan sebelum penularan pandemik COVID-19 melanda seluruh dunia pada tahun 2020. Antara impak dari pandemik tersebut telah terutama sekali menjelaskan sektor pengangkutan dan perkhidmatan pos yang mencatatkan tren penurunan yang amat ketara berbanding dari tahun-tahun sebelumnya. Manakala, sektor infokomunikasi telah menunjukkan peningkatan secara kumulatif seperti penggunaan internet dalam pembelajaran dan pekerjaan serta penggunaan portal GOV.BN untuk urusan perkhidmatan Kerajaan.

Berikutan dengan ini, fokus MTIC akan ditumpukan kearah mewujudkan dan membentuk persekitaran perusahaan yang mendokong pemulihan dan seterusnya untuk memperkembangkan lagi sektor pengangkutan dan infokomunikasi masing-masing. Ini akan memerlukan pengutamaan diantara mengukuhkan perusahaan sedia ada dan mewujudkan perusahaan mahupun perkhidmatan baru atau “net new creation” bagi mendokong pertumbuhan berterusan yang selari dengan perancangan-perancangan strategik di negara ini, terutama sekali kearah mencapai matlamat-matlamat Wawasan Negara 2035.

Untuk jangka masa panjang, dihasratkan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi akan terus dapat menggabungkan analisis data dengan penglibatan pihak berkepentingan dan pakar-pakar bidang khusus di dalam menggubal strategi dan program-program intervensi bermaklumat supaya ianya lebih komprehensif, innovatif dan berkesan.

Akhir sekali, setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam sama-sama memberikan sumbangan tenaga dan buah fikiran sehingga berjayanya Buku Perangkaan Sektor Pengangkutan dan Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam 2012 – 2022 ini diterbitkan.

Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YANG BERHORMAT
PENGIRAN DATO SERI SETIA SHAMHARY BIN PENGIRAN DATO PADUKA HAJI MUSTAPHA
Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi

Kata Pengantar

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



Bersyukur kita ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya jua, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) melalui kerjasama dengan Jabatan-jabatan serta agensi dan pihak-pihak berkuasa di bawahnya telah dapat mengumpulkan perangkaan-perangkaan penting yang berkaitan dengan perkembangan sektor pengangkutan dan infokomunikasi di Negara Brunei Darussalam bagi tempoh satu dekad bermula tahun 2012 hingga 2022.

Buku Perangkaan ini antaralainnya bertujuan untuk mengongsikan serta menyebarluaskan data-data rasmi yang komprehensif mengenai sektor pengangkutan dan infokomunikasi di negara ini. Penyusunan buku ini mengongsikan perkembangan kedua-dua sektor berkenaan yang juga merangkumi pelbagai bidang termasuk perkhidmatan e-Kerajaan, perkhidmatan kajicuaca dan pos. Perangkaan yang dikongsikan merupakan hasil dapatan yang dilaksanakan oleh Kementerian ini dengan kerjasama Jabatan-jabatan serta agensi dan pihak-pihak berkuasa di bawahnya di mana ianya diterjemahkan dalam bentuk carta dan graf sebagai panduan mudah untuk memahami arah aliran asas sektor-sektor tersebut.

Adalah diharapkan Buku Perangkaan ini akan dijadikan sebagai sukat-sukat dan juga rujukan dalam merangka perjalanan kearah perkembangan dan kemajuan sektor pengangkutan dan infokomunikasi di masa-masa akan datang selaras dengan objektif-objektif strategik yang terkandung di dalam Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi 2025. Seterusnya, untuk dijadikan bahan rujukan yang bernilai kepada para pengguna yang terlibat dalam sektor berkaitan termasuklah institusi pendidikan, para pelabur, penyelidikan, perancang dasar serta masyarakat umum yang memerlukan data dan maklumat ini.

Akhir sekali, peramba/saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan berbanyak terima kasih kepada semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam sama-sama memberikan sumbangan tenaga serta buah fikiran kearah merealisasikan penerbitan Buku Perangkaan keluaran sepanjang tempoh 2012 – 2022.

Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

HAJI MOHAMMAD NAZRI BIN HAJI MOHAMMAD YUSOF

Setiausaha Tetap

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi



Kata Pengantar



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui kerjasama Jabatan-jabatan dan Pihak Berkuasa di bawah Kementerian ini dapat menerbitkan Buku Perangkaan berkaitan dengan sektor Pengangkutan dan Infokomunikasi dari tahun 2012 hingga 2022.

Maklumat perangkaan memaparkan data-data terpilih bagi sektor pengangkutan termasuk udara, darat dan laut, kes kemalangan jalan raya serta perkhidmatan kajicuaca yang turut memainkan peranan penting dalam penyediaan nasihat dan amaran cuaca. Sektor infokomunikasi pula merangkumi telekomunikasi, perkhidmatan e-Kerajaan dan pos.

Adalah menjadi objektif Kementerian ini untuk membekalkan perangkaan yang komprehensif, sedia diguna dan terkini mengenai kedua-dua sektor tersebut. Semoga dengan penerbitan buku perangkaan ini dapat dijadikan panduan dan bahan rujukan terutama kepada penggubal dasar, penyelidik dan pelajar khususnya, serta dapat memberikan manfaat kepada pihak-pihak yang memerlukan maklumat ini amnya.

Dalam kesempatan ini juga, dengan tulus ikhlas ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua yang terlibat, samaada secara langsung atau tidak, bagi menjayakan usaha untuk menerbitkan Buku Perangkaan 2012 – 2022 bagi sektor Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

HAJI HAIRUL MOHD DAUD BIN HAJI ABDUL KARIM
Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi)
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

HAJI MOHD SALIHIN BIN HAJI ASPAR
Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan)
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

Ringkasan Eksekutif

Lebih sedekad yang lalu, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) telah melalui beberapa perkembangan dengan meluaskan bidang tugas dan portfolionya yang kini juga merangkumi isu-isu digital semasa. Bermula dengan penaiktarafan Bahagian Perkhidmatan Kajicuaca menjadi sebuah Jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam pada 1 Februari 2013. Seterusnya, penubuhan satu badan autoriti iaitu Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam (MPABD) mulai 28 September 2017. Diikuti dengan penukaran nama Kementerian Perhubungan kepada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) pada 15 Disember 2018 selaras dengan teras Kementerian selaku penggubal dasar yang bertanggungjawab keatas perkembangan dan kemajuan sektor pengangkutan dan infokomunikasi. Kemudian, penyerapan Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) ke Kementerian ini dan juga penubuhan Cyber Security Brunei (CSB) pada bulan Oktober 2020 sebagai agensi keselamatan siber kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Sektor Pengangkutan yang merangkumi udara, darat, laut di negara ini telah mengalami ketidaktentuan dalam tempoh sepuluh tahun kebelakangan disebabkan oleh beberapa faktor dari luar dan dalaman terutama sekali dengan munculnya pandemik COVID-19 yang telah mengakibatkan penuruan hampir semua sektor di bawah pengangkutan. Fenomena ini bukan saja dihadapi di negara ini, malahan ianya juga dialami di seluruh negara di kala seluruh dunia sedaya upaya mengekang merebaknya pandemik tersebut dengan penutupan sempadan-sempadan negara. Tambahan lagi dengan krisis logistik import dan eksport yang juga mengakibatkan kekurangan bekalan keperluan kepada seluruh dunia yang menjurus kepada kenaikan harga barang-barang keperluan.

Dari segi **pergerakan penumpang** melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), pada keseluruhannya, pergerakan penumpang (keluar, masuk dan persinggahan) dari tahun 2012 hingga 2019 telah menunjukkan tren yang konsisten. Tahun 2019 merupakan penanda aras bagi kemajuan sektor penerbangan di negara ini. Pergerakan penumpang masuk, keluar dan persinggahan menunjukkan jumlah tertinggi pada tahun tersebut dengan 2,186,825 penumpang. Akan tetapi, pandemik COVID-19 yang melanda sejak tahun 2020 telah mengakibatkan perubahan senario dengan kemelesetan jumlah penumpang sebanyak 81%. Semenjak pembukaan sempadan pada 1 Ogos 2022, tren bagi pergerakan penumpang menunjukkan peningkatan sebanyak 55% sehingga 31 Disember 2022. Secara purata, kadar pertumbuhan pergerakan penumpang di negara ini adalah sebanyak 5.5% setiap tahun (2015 – 2019). Jika berdasarkan kadar berganda sebanyak 5.5% setiap tahun, jumlah pergerakan penumpang dijangka akan kembali ke tahap 2019 pada tahun 2026.

Penerbangan berjadual telah menunjukkan tren pertumbuhan yang positif pada tahun 2012 hingga 2019 dengan purata 13,696 penerbangan setiap tahun. Jumlah penerbangan berjadual telah mengalami penurunan yang drastik iaitu sebanyak 70% pada tahun 2020 dan diikuti dengan 61% pada tahun 2021 berbanding dengan tahun sebelumnya disebabkan oleh pandemik COVID-19. Pasca awal endemik telah memberikan impak yang positif bagi industri penerbangan di negara ini dengan jumlah yang melebihi 50% pada tahun 2022. Perangkaan bagi **penerbangan tidak berjadual** (iaitu penerbangan sewa atau charter flight yang membawa samaada kargo atau penumpang) bagi tempoh 2012 – 2021 merekodkan jumlahnya kekal di bawah had 1,000 penerbangan dengan purata sebanyak 706 penerbangan setiap tahun. Tahun 2022 mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 1,097 penerbangan.

Bagi **perkhidmatan kargo udara** kendalian Brunei International Airport Cargo Centre (BIACC) yang merangkumi perkhidmatan kargo keluar, masuk dan persinggahan dalam tempoh 2012 – 2022, kargo persinggahan yang mencatatkan jumlah keseluruhan tertinggi iaitu 130,897,721 kilogram (kg). Manakala, kargo masuk mencatatkan sebanyak 69,581,398 kg dan yang terendah adalah kargo keluar sebanyak 8,689,485 kg.

Bagi jumlah **mel keluar dan masuk** (kilogram) yang dikendalikan oleh BIACC melalui LTAB menunjukkan tren yang meningkat sejak tahun 2012 dengan jumlah tertinggi tercatat pada tahun 2015 sebanyak 1,122,977 kg. Pada tahun berikutnya, jumlah mel keluar dan masuk menurun sebanyak 485,264 kg (43.21%) berbanding tahun 2015. Sejak itu, tren menunjukkan penurunan sehingga 2021 ditambah lagi dengan tercetus wabak pandemik COVID-19 dan jumlah mula menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 13.8% pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya. Manakala, jumlah **kargo penumpang** melalui penerbangan yang beroperasi di LTAB mengalami ketidaktentuan setiap tahun dari 2012 hingga 2022. Tahun 2012 mencatatkan jumlah kargo keluar dan masuk tertinggi menggunakan pernerbangan di negara ini sebanyak 23,863,516 kg.

Sebanyak 475,796 buah **kenderaan telah berdaftar** (termasuk kenderaan yang tidak dileSENkan dan tidak aktif di jalan raya) setakat tahun 2022. Manakala, perangkaan jumlah kenderaan yang memperbaharui lesen dan aktif di jalan raya secara purata adalah sebanyak 260,992 setiap tahun. Sehingga tahun 2022, secara keseluruhan sebanyak 51,902 **Lesen Memandu** dan 257,973 **Lesen Kenderaan** permohonan diterima melalui atas talian yang mula diperkenalkan pada tahun 2014. Pandemik COVID-19 telah memberi impak yang positif dari segi penggunaan perkhidmatan tersebut dengan peningkatan mendadak bagi permohonan lesen-lesen tersebut. Tahun 2021 mencatatkan jumlah permohonan lesen kenderaan tertinggi iaitu sebanyak 100,324 permohonan manakala sebanyak 23,957 permohonan telah dicatatkan bagi lesen memandu.

Dari segi **perkhidmatan pengangkutan awam**, dalam tempoh 2012 – 2022, jumlah keseluruhan pergerakan penumpang bas adalah sebanyak 21,550,725 dengan jumlah tertinggi pada tahun 2012 sebanyak 2,799,225 penumpang. Walaubagaimanapun, jumlah pergerakan penumpang bas telah mula menyusut sejak tahun 2017 ditambah lagi dengan kesan dari penularan pandemik COVID-19. Selain dari perkhidmatan bas, perangkaan perkhidmatan teksi mencatatkan tahun 2020 dengan jumlah pemandu teksi yang paling rendah (dari segi memperbaharui lesen dan permit) iaitu hanya 25 orang. Tahun sebelumnya telah mencatatkan jumlah pemandu yang tertinggi iaitu sebanyak 71 orang. Manakala, bagi **perkhidmatan Dart** yang bermula pada bulan Mac 2018 dengan hanya seramai 36 orang pemandu pada tahun berkenaan. Peningkatan sehingga 183 pemandu dicatatkan pada tahun 2020 dimana menjadikan jumlah tertinggi semenjak ianya beroperasi.

Berkaitan dengan **keselamatan jalan raya**, Alhamdulilah berkat usahasama dan kerjasama rapat daripada pihak agensi Kerajaan dan sektor swasta yang berkepentingan serta masyarakat awam di negara ini, perangkaan menunjukkan jumlah kes kemalangan kenderaan sejak tahun 2019 di bawah paras 300 kes. Senario yang berbeza bagi kes kemalangan yang melibatkan kematian di mana ianya menunjukkan kenaikan kes bermula tahun 2021. Jumlah meningkat kepada 20 pada tahun 2022 dan menjadikan jumlah terkumpul bagi tempoh 11 tahun adalah sebanyak 243 orang.

Sejak tahun 2012 hingga 2022, sebanyak 4,734 **kecederaan** telah dicatatkan yang melibatkan 3,443 lelaki dan 1,291 wanita. Tahun 2017 mencatatkan jumlah keseluruhan yang tertinggi dengan sebanyak 529 kecederaan yang terdiri dari 382 lelaki dan 147 wanita. Manakala, tahun 2020 telah mencatatkan kes kemalangan dengan kecederaan yang terendah dalam jumlah 341.

Perangkaan menunjukkan tren yang menurun bagi **kapal keluar dan masuk** melalui Terusan Muara di sepanjang tempoh 2012–2022 dengan jumlah keseluruhan 124,968 buah kapal dicatatkan dan secara purata sebanyak 11,360 buah setiap tahun. Mengikut pecahan kategori, kapal kontainer yang berlabuh di Pelabuhan Muara mencatatkan tren penurunan pada tahun 2018 hingga 2022 iaitu dari jumlah 274 buah kepada 212 buah.

Sebelum tercetusnya pandemik COVID-19, tahun 2016 mencatatkan **pergerakan penumpang** yang tertinggi di **Terminal Feri Serasa** dengan jumlah 182,753. Perangkaan bagi tahun-tahun berikutnya (2015 – 2019) adalah menurun dan secara purata pergerakan penumpang bagi tempoh tersebut berjumlah 171,566. Jika jumlah

keseluruhan pergerakan penumpang bagi tahun 2022 (iaitu seramai 23,166) berganda setiap tahun, maka dijangka dalam tahun 2025 akan mencapai semula tahap tertinggi seperti di tahun 2016.

Purata jumlah **kontena dan kargo** yang dikendalikan oleh Pelabuhan Muara sepanjang tempoh 2012–2022 adalah sebanyak 107,468 TEUs. Jumlah kontena kapal bagi empat (4) tahun kebelakangan iaitu dari tahun 2016 hingga 2019 menunjukkan peningkatan yang positif setiap tahun. Sejak pandemik COVID-19, jumlah penurunan adalah sebanyak 9.9% (11,727 TEUs) dari tahun sebelumnya. Manakala bagi tahun 2021, pengendalian jumlah kontena kembali pulih dengan meningkat sebanyak 4.0%. Seterusnya pada tahun 2022, jumlah kontena adalah 104,101 TEUs yang mana lebih rendah daripada purata 107,468 TEUs sejak tahun 2012. Pada tahun yang sama, jumlah pengendalian kontena juga mencatatkan penurunan sebanyak 1.95% (2,073 TEUs) dibandingkan dengan tahun 2020.

Dari segi **pendaftaran dan perlesenan kapal** bagi bot penumpang, kapal nelayan dan kapal peranginan secara menyeluruh telah mencatatkan sebanyak 7,259 permohonan. Kapal nelayan yang mencatatkan jumlah permohonan tertinggi dengan jumlah 4,688 pendaftaran. Bagi **persinggahan kapal persiaran** ke Pelabuhan Muara telah mencatatkan 160 buah di sepanjang tempoh 2012–2022. Tahun 2014 merekodkan persinggahan tertinggi iaitu sebanyak 31 buah. Pandemik COVID-19 pada tahun 2020 telah menjelaskan industri pelancongan termasuk persinggahan kapal persiaran ke Pelabuhan Muara.

Jumlah purata **kargo konvensional** mulai tahun 2014 hingga 2022 adalah sebanyak 584,806 tan. Pada tahun 2015 hingga 2019 telah mencatatkan jumlah kargo di atas paras purata tahunan. Pengendalian kargo semasa pandemik COVID-19 mencatatkan penurunan sebanyak 38.5% pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 diikuti dengan penurunan sebanyak 6.08% pada tahun 2021 berbanding dengan tahun sebelumnya. Pada tahun 2022, jumlah kargo konvensional kembali pulih dengan jumlah 718,491 tan iaitu hampir mencapai jumlah yang dicatatkan pada tahun 2018 (735,183 tan).

Bagi **transshipment**, jumlah tertinggi adalah pada tahun 2013 dengan sebanyak 3,117 TEUs manakala pada tahun 2017 mencatatkan aktiviti transhipment terendah sebanyak 28 TEUs. Dalam tempoh lima (5) tahun mulai tahun 2017 sehingga 2021, aktiviti transhipment menunjukkan peningkatan positif setiap tahun. Jumlah transhipment bagi tahun 2020 dan 2021 menunjukkan peningkatan yang tinggi iaitu 112% (dari jumlah 754 ke 1,598 TEUs). Peningkatan ini adalah daripada pengendalian “*miscellaneous cargo*”. Pada tahun 2021, kebanyakan transhipment import adalah melalui Malaysia Timur manakala transhipment eksport tertinggi bagi tahun 2020 adalah melalui Semenanjung Malaysia.

Bagi **perkhidmatan kajicuaca** yang berperanan mengeluarkan amaran dan nasihat cuaca aktif kepada agensi-agensi berkepentingan seperti pihak Penerangan dan laut, pertahanan, keselamatan dan juga orang awam dalam memastikan keselamatan serta kesejahteraan mereka. Sebanyak 2,302 **amaran cuaca** (dari tahun 2012 – 2022) dan 98 **nasihat cuaca** telahpun dikeluarkan sejak tahun 2016. Jabatan Kajicuaca telah menerima sejumlah 6,662 panggilan melalui **Talian Cuaca 114** sejak tahun 2014 hingga 2022. Tahun 2015 mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu semasa Musim Barat Daya (Jun – September) apabila negara ini sering mengalami cuaca aktif seperti hujan berangin ribut dan juga jerebu rentas sempadan. Mengenai jumlah purata **turunan hujan** di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dalam tempoh 2012 – 2022 telah mencatatkan sebanyak 3,205 mm. Catatan jumlah turunan hujan terendah direkodkan pada tahun 2016 yang disebabkan oleh fenomena El Niño (berintensi kuat) yang berlaku pada tahun berkenaan. Manakala, jumlah turunan hujan tertinggi ialah pada tahun 2021 dimana fenomena La Niña telah melanda dunia pada tahun tersebut.

Bagi **sektor infokomunikasi** pula, ianya telah menunjukkan kemajuan selaras dengan hasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Pintar Terhubung. Impak positif dari pandemik COVID-19 juga turut mempercepatkan proses transformasi digital menjadikan sebagai kebiasaan baharu (“*new normal*”). Sehubungan itu, perkhidmatan telekomunikasi seperti telefon bimbit, *mobile broadband*, *fixed broadband* dan *fixed line* telah mencatatkan purata pertumbuhan yang positif dari satu dekad yang lalu.

Setakat tahun 2022 menunjukkan sebanyak 528,723 pengguna yang terdiri daripada 401,422 pengguna prepaid dan 127,301 pengguna postpaid. Ini bermakna, sebanyak 75% pengguna memilih perkhidmatan prepaid berbanding postpaid. Jika dilihat pertumbuhan 11 tahun kebelakangan (2012–2022) bagi **pengguna jalur lebar mudah alih** (“Mobile Broadband”), ianya menghasilkan perkembangan yang positif. Perangkaan menunjukkan langganan per 100 penduduk pun meningkat dengan jumlah tertinggi pada tahun 2021 sebanyak 141.7% dan yang terendah adalah ada tahun 2013 dengan 91.4%. Jumlah langganan per 100 penduduk bagi **“Fixed Broadband”** setakat tahun 2022 adalah 21% manakala jumlah pelanggan **“Fixed Line”** setakat tahun 2022 meningkat sebanyak 8.8%. Bagi **rangkaian Fiber to the Home (FTTH)** setakat tahun 2022, telah meliputi 94.42% di negara ini.

Bagi **liputan rangkaian telekomunikasi**, rangkaian 2G tidak lagi digunakan. Setakat tahun 2022, liputan rangkaian di negara ini menggunakan 3G dengan 97% liputan dan 4G dengan 98.6% liputan. Pihak AITI telah berusaha untuk memberikan liputan yang terbaik dengan projek-projek untuk memodenkan industri telekomunikasi di negara ini. Bagi penyambungan **jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB)**, kaedah yang digunakan adalah dengan penyambungan Fiber to the Home (FTTH) dimana meliputi semua daerah di negara ini. Setakat tahun 2022, rangkaian FTTH telah meliputi 94.42% berbanding tahun 2016 yang hanya 43%.

Perkhidmatan e-Kerajaan dan penggunaan **akaun e-Darussalam** (mula diperkenalkan pada bulan Julai 2011) juga semakin meningkat setiap tahun sebagai akaun rasmi untuk urusan berkaitan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Kerajaan. Jumlah pendaftaran secara keseluruhan bagi tempoh 2012–2022 adalah sebanyak 216,806 manakala jumlah pengaktifan akaun mencatatkan 188,704.

Sejak **Talian Darussalam TD123** diperkenalkan pada April 2014, secara purata, panggilan yang diterima pada setiap tahun adalah sebanyak 387,544. Sehingga 2022, keseluruhan panggilan yang diterima melalui TD 123 berjumlah 3,783,577. Pada tahun 2020, jumlah panggilan telah meningkat sebanyak 441,589 dan diikuti pada tahun 2021 sebanyak 774,127. Kedua-dua tahun tersebut adalah disebabkan oleh impak pandemik COVID-19 yang melanda di negara ini.

Dengan agenda transformasi digital yang semakin meningkat, keadaan yang berbeza telah tercatat bagi perkhidmatan pos. Menurut perangkaan, hampir kesemua **perkhidmatan pos** telah mengalami kemerosotan seperti penghantaran surat, bahan cetak, pengendalian mel bungkusan, express mail services dan poskad dalam masa 10 tahun terakhir. Manakala bagi paket kecil, pos laju dan barang berdaftar menunjukkan ketidaktentuan malah dengan impak positif dari COVID-19 telah membantu pertumbuhan dalam skala yang kecil dalam perkhidmatan-perkhidmatan tersebut. Ini juga dapat dilihat selepas pembukaan sempadan pada 1 Ogos 2022, jumlah penerimaan bagi benda berdaftar, paket kecil dan bungkusan telah menunjukkan penurunan sebanyak 46% sehingga penghujung tahun 2022.

Sektor Pengangkutan



Pengangkutan
Udara

Pengangkutan
Darat



Keselamatan
Jalan Raya

Pengangkutan
Laut



Perkhidmatan
Kajicuaca



1.1 Pengangkutan Udara

(Sumber: Jabatan Penerbangan Awam)

Perkembangan Penerbangan Awam di negara ini dapat dilihat dengan jelas sejak tertubuhnya industri Penerbangan Awam 60 tahun yang lalu. Perkhidmatan Udara Perdagangan diperkenalkan di Negara Brunei Darussalam pada tahun 1953 dengan terbentuknya perkhidmatan penghantar di antara Labuan, Bandar Seri Begawan, Anduki dan Lutong di Sarawak. Dalam menampung perkembangan industri penerbangan awam yang semakin meningkat pada tahun 1970-an, pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada tahun 1974 telah dibina bagi menggantikan Lapangan Terbang Lama Berakas.

Jabatan Penerbangan Awam bertanggungjawab terhadap hal ehwal penerbangan di Negara Brunei Darussalam termasuk dari segi keselamatan, kawalan dan keberkesanan operasi dan memantau pengurusan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sebagai gerbang masuk utama ke negara ini. Dengan visi untuk menjadi ‘World Class Civil Aviation’, Jabatan ini mempunyai misi untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan awam yang mampan, selamat dan cekap dan mengawalselia penerbangan awam mengikut piawaian antarabangsa dan amalan terbaik yang disyorkan.

JUMLAH KESELURUHAN

Pergerakan Pesawat

Penerbangan Berjadual (2012 – 2022)

121,850

Penerbangan Tidak Berjadual (2012 – 2022)

8,158

Pergerakan Penumpang

Masuk (2012 – 2022)

6,613,502

Keluar (2012 – 2022)

6,606,373

Persinggahan (2012 – 2022)

2,121,266

Pengendalian Kargo

Masuk (2012 – 2022)

69,581,398_{kg}

Keluar (2012 – 2022)

8,689,485_{kg}

Persinggahan (2012 – 2022)

130,897,721_{kg}

Pengendalian Mel

Masuk (2012 – 2022)

3,612,273_{kg}

Keluar (2012 – 2022)

1,241,231_{kg}

Kargo Penumpang

Masuk (2012 – 2022)

119,033,667_{kg}

Keluar (2012 – 2022)


77,267,008_{kg}




PERGERAKAN PESAWAT

(Berjadual dan Tidak Berjadual 2012 – 2022)

	 Penerbangan Berjadual	 Penerbangan Tidak Berjadual
JUMLAH KESELURUHAN	121,850	8,158
Jumlah Tertinggi (Tahun)	17,323 (2019)	1,097 (2022)
Jumlah Terendah (Tahun)	2,012 (2021)	452 (2020)



Bagi penerbangan berjadual, dari tahun 2012 hingga 2019 telah menunjukkan tren pertumbuhan yang positif dengan purata 13,396 penerbangan setiap tahun dan jumlah tertinggi dicatatkan pada tahun 2019 iaitu sebanyak 17,323. Semenjak pandemik COVID-19 melanda, purata penerbangan berjadual turun kepada 3,568 penerbangan setiap tahun. Jumlah tersebut telah mengalami penurunan yang drastik iaitu sebanyak 70% pada tahun 2020 dan diikuti dengan 61% pada tahun 2021 berbanding dengan tahun sebelumnya. Pasca awal endemik telah memberikan impak yang positif bagi industri penerbangan di negara ini dengan jumlah yang melebihi 50% pada tahun 2022.



Jumlah penerbangan tidak berjadual adalah termasuk penerbangan sewa atau *charter flight* yang membawa samaada kargo atau penumpang.


Perangkaan bagi penerbangan tidak berjadual bagi tempoh 2012 – 2021 merekodkan jumlahnya kekal di bawah had 1,000 penerbangan dengan purata sebanyak 706 penerbangan setiap tahun. Tahun 2022 mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 1,097 penerbangan.



PERGERAKAN PENUMPANG

(Masuk, Keluar & Persinggahan 2012 – 2022)

	 Penumpang Masuk	 Penumpang Keluar	 Penumpang Persinggahan
JUMLAH KESELURUHAN	6,613,502	6,606,373	2,121,266
Jumlah Tertinggi (Tahun)	936,459 (2019)	937,660 (2019)	312,706 (2019)
Jumlah Terendah (Tahun)	19,340 (2021)	28,395 (2021)	0 (2021)



Pada keseluruhannya, pergerakan penumpang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) dari tahun 2012 hingga 2019 telah menunjukkan tren yang konsisten. Tahun 2019 merupakan penanda aras bagi kemajuan sektor penerbangan di negara ini. Pergerakan penumpang masuk, keluar dan persinggahan menunjukkan jumlah tertinggi pada tahun tersebut dengan sebanyak 2,186,825 penumpang. Akan tetapi, pandemik COVID-19 yang melanda sejak tahun 2020 telah mengakibatkan perubahan senario dengan kemelesetan jumlah penumpang sebanyak 81%.

Jumlah **penumpang masuk** secara putara dari tahun 2012 hingga 2019 adalah sebanyak 770,413. Kesan dari pandemik COVID-19 menyebabkan penurunan penumpang sebanyak 775,778 (81%) pada tahun 2020 dan jumlah tersebut terus menurun kepada 19,340 penumpang pada tahun 2021. Terdapat persamaan tren bagi perangkaan **penumpang keluar** dengan tahun 2019 merupakan catatan yang tertinggi iaitu sebanyak 937,660. Kadar penumpang keluar menurun sebanyak 81% dari tahun 2019 ke 2020 disebabkan langkah-langkah keselamatan bagi pengawalan pandemik COVID-19.

Bagi **penumpang persinggahan**, tahun 2019 juga mencatatkan jumlah tertinggi dengan 312,706. Penurunan sebanyak 79% juga terjadi sejak tahun 2020 bermulanya pandemik COVID-19 dengan catatan penumpang hanya sebanyak 66,104 dan diikuti tidak ada penumpang pada tahun berikutnya. Semenjak pembukaan sempadan pada 1 Ogos 2022, tren bagi pergerakan penumpang (keluar, masuk dan persinggahan) menunjukkan peningkatan sebanyak 55% sehingga 31 Disember 2022. Secara purata, kadar pertumbuhan pergerakan penumpang di negara ini adalah sebanyak 5.5% setiap tahun (2015 – 2019). Jika berdasarkan kadar berganda sebanyak 5.5% setiap tahun, jumlah pergerakan penumpang dijangka akan kembali ke tahap 2019 pada tahun 2026.



PENGENDALIAN KARGO

(Masuk, Keluar & Persinggahan 2012 – 2022)

	Kargo Masuk	Kargo Keluar	Kargo Persinggahan
JUMLAH KESELURUHAN	69,581,398 kg	8,689,485 kg	130,897,721 kg
Jumlah Tertinggi (Tahun)	8,323,575.20 (2015)	2,593,430 (2012)	16,741,386.49 (2018)
Jumlah Terendah (Tahun)	2,625,284.69 (2021)	431,153.70 (2021)	3,928,185.84 (2021)



Aktiviti-aktiviti kargo udara yang dikendalikan oleh Brunei International Airport Cargo Centre (BIACC) termasuk jumlah kargo keluar dan masuk serta kargo persinggahan. **Kargo persinggahan** mencatatkan jumlah tertinggi dari tahun 2012 hingga 2022 manakala **kargo keluar** adalah yang terendah dicatatkan setiap tahun. Dari tahun 2012 sehingga 2019 kecuali tahun 2014, BIACC mencatatkan jumlah keseluruhan kargo melimpasi paras 20,000,000 kilogram (kg) setiap tahun. Penularan COVID-19 telah mengakibatkan penurunan jumlah kargo pada tahun 2020 kerana penutupan sempadan di kebanyakan negara di seluruh dunia.

Jumlah purata bagi **kargo persinggahan** dari tahun 2012 hingga 2019 adalah kira-kira 14,842,434 kg. Terdapat penurunan yang ketara pada tahun 2020 iaitu sebanyak 11,624,547.93 kg (70%) dan terus menurun sehingga tahun 2022. Bagi tempoh 2012 hingga 2019, perangkaan menunjukkan jumlah purata **kargo masuk** adalah 7,310,324.50 kg dengan paras tertinggi dicatatkan pada tahun 2015 iaitu sebanyak 8,323,575.20 kg. Sebelum terjadinya penularan COVID-19 pada tahun 2020, purata kargo masuk setiap tahun adalah di atas paras 7 juta kg walaupun terdapat sedikit penurunan pada tahun 2014.

Perangkaan bagi tempoh 2012 – 2022 juga menunjukkan penurunan sejak tahun 2020. Jumlah **kargo masuk** terendah dicatatkan pada tahun 2021 sebanyak 2,625,284.69 kg iaitu penurunan 65% berbanding tahun 2019 sebelum COVID-19. **Kargo keluar** mencatatkan jumlah tertinggi pada tahun 2012 sebanyak 2,593,430.00 kg dan menurun secara drastik sehingga 2018 dimana berganda pada tahun 2019. Sejak pandemik COVID-19 pada tahun 2020 sehingga 2022, aktiviti kargo keluar menunjukkan di bawah paras 500,000 kg.




PENGENDALIAN MEL

(Masuk & Keluar 2012 – 2022)

JUMLAH KESELURUHAN	Mel Masuk (Kilogram)	Mel Keluar (Kilogram)
Jumlah Tertinggi (Tahun)	3,612,273 kg	1,241,231 kg
Jumlah Terendah (Tahun)	719,071 kg (2015)	403,906 kg (2015)
Jumlah Terendah (Tahun)	42,801 kg (2021)	21,278 kg (2020)





Bagi jumlah **mel keluar** dan **masuk** (kilogram) yang dikendalikan oleh BIACC melalui LTAB menunjukkan tren yang meningkat sejak tahun 2012 dengan jumlah tertinggi tercatat pada tahun 2015 sebanyak 1,122,977 kg.

Pada tahun berikutnya, jumlah mel keluar dan masuk menurun sebanyak 485,264 kg (43.21%) berbanding tahun 2015. Sejak itu, tren menunjukkan penurunan sehingga 2021 ditambah lagi dengan tercetus wabak pandemik COVID-19 dan jumlah mula menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 13.8% pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya.



KARGO PENUMPANG


(Penerbangan Yang Beroperasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei 2012 – 2022)



Kargo Penumpang Masuk (Kilogram)

Kargo Penumpang Keluar (Kilogram)

JUMLAH KESELURUHAN	119,033,667_{kg}	77,267,008_{kg}
Jumlah Tertinggi (Tahun)	15,123,352_{kg} (2012)	10,455,28_{kg} (2018)
Jumlah Terendah (Tahun)	5,250,230_{kg} (2021)	1,712,479_{kg} (2021)



Jumlah kargo penumpang melalui penerbangan yang beroperasi di LTAB mengalami ketidaktentuan setiap tahun dari 2012 hingga 2022. Tahun 2012 mencatatkan jumlah kargo keluar dan masuk tertinggi menggunakan pernberangan di negara ini sebanyak 23,863,516 kg.

Selaras dengan terkesannya perkhidmatan udara iaitu dari segi pergerakan penerbangan dan penumpang, perkhidmatan ini juga mengalami kesan yang sama dari pandemik COVID-19 sejak tahun 2020.

1.2 Pengangkutan Darat

(Sumber: Jabatan Pengangkutan Darat)

Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) mula ditubuhkan di Bandar Seri Begawan pada 1 Januari 1962 dan berpindah ke KM5 Jalan Gadong pada tahun 1969. Seterusnya, pada 25 Julai 1996, JPD berpindah ke bangunan ibu pejabatnya yang kekal hingga sekarang.

Jabatan ini adalah agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan dalam mengawalselia dan memperkembangkan hal ehwal pengangkutan darat di Negara Brunei Darussalam. Sesuai dengan visi kearah Pengangkutan Darat Yang Cekap, Berkesan, Selamat dan Bersepadu, JPD menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan yang mudah, tepat, selamat dan memuaskan untuk mobiliti penumpang dan barang dalam negeri dan serantau.

JUMLAH KESELURUHAN

Kenderaan Berdaftar & Kenderaan Yang Aktif

Kenderaan Berdaftar (2022)

475,796

Kenderaan Yang Aktif (2012 – 2022)

260,922

(Purata Tahunan)

Lesen Memandu & Lesen Kenderaan

(Permohonan Atas Talian)

Lesen Memandu (2014 – 2022)

51,902

Lesen Kenderaan (2014 – 2022)

257,973

Pergerakan Penumpang Bas

Jumlah Keseluruhan (2012 – 2022)

21,550,725

Pemandu Teksi & Dart (Memperbaharui Lesen & Permit)

Pemandu Teksi (2021 – Tertinggi)

71

Pemandu Dart (2020 – Tertinggi)

182

Keselamatan Jalan Raya

Jumlah Kemalangan

(2012 – 2022)

24,989

Jumlah Kecederaan

(2012 – 2022)

4,734

Jumlah Kematian


(2012 – 2022)

243

		JUMLAH KENDERAAN	
		(Kenderaan Berdaftar & Kenderaan Yang Aktif 2012 – 2022)	
		Kenderaan Berdaftar	Kenderaan Yang Aktif Memperbaharui Lesen
JUMLAH		475,796 (Kumulatif)	260,992 (Purata Tahunan)
Jumlah Tertinggi	(Tahun)	19,802 (2013)	310,795 (2022)
Jumlah Terendah	(Tahun)	9,322 (2022)	228,003 (2012)



Kenderaan berdaftar bermaksud kenderaan yang telah mendaftar di bawah Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) termasuk kenderaan yang tidak dilesenkan dan tidak aktif di jalan raya. Setakat tahun 2022, sebanyak 475,796 buah kenderaan telah berdaftar di bawah JPD dengan peningkatan sebanyak 42.5% dari tahun 2012 dimana jumlah kenderaan yang berdaftar pada tahun tersebut adalah sebanyak 333,725 buah. Secara purata, dalam tempoh 2012–2022, sebanyak 14,207 buah kenderaan telah berdaftar pada setiap tahun.



Perangkaan ini menunjukkan jumlah **kenderaan yang aktif** di jalan raya berdasarkan jumlah yang telah memperbaharui lesen kenderaan. Tahun 2022 mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 310,795 buah kenderaan manakala jumlah terendah adalah pada tahun 2012 iaitu sebanyak 228,003 buah kenderaan. Secara purata, bagi tempoh 11 tahun (2012–2022), sebanyak 260,992 buah kenderaan setahun yang memperbaharui lesen kenderaan.

Pemeriksaan tahunan bagi kenderaan persendirian adalah dimestikan bagi kenderaan yang berumur tujuh (7) tahun dan ke atas. Pada tahun 2021, sebanyak 17 "Vehicle Inspection Station" (VIS) telah beroperasi berikutnya penswastaan "Vehicle Inspection Centre" (VIC). Sebelumnya pemeriksaan keatas kenderaan melebihi tujuh (7) tahun keatas adalah dikendalikan oleh Jabatan Pengangkutan Darat, yang mana sebanyak empat (4) buah pusat pemeriksaan kenderaan beroperasi dan ditempatkan sebuah bagi setiap daerah.



LESEN MEMANDU & LESEN KENDERAAN

(Permohonan Atas Talian 2014 – 2022)

	Lesen Memandu	Lesen Kenderaan
JUMLAH KESELURUHAN	51,902	257,973
Jumlah Tertinggi (Tahun)	23,957 (2021)	100,324 (2021)
Jumlah Terendah (Tahun)	118 (2014)	715 (2014)



Lesen Memandu dan Lesen Kenderaan (2014 – 2022)

Peningkatan mendadak bagi permohonan tersebut adalah amat ketara pada tahun 2020 dan 2021 antaranya berkaitan dengan penularan wabak COVID-19 di negara ini. Tahun 2021 mencatatkan jumlah permohonan **Lesen Kenderaan** tertinggi iaitu sebanyak 100,324 manakala sebanyak 23,957 bagi **Lesen Memandu**.

Bermula pada bulan Mei 2020, Talian Darussalam (TD123) juga telah memperkenalkan perkhidmatan permohonan lesen kenderaan dan lesen memandu. Setakat Mei 2020 sehingga Disember 2022, sebanyak 20,915 permohonan diterima bagi lesen kenderaan manakala 46,103 permohonan diterima bagi lesen memandu.

Permohonan untuk mendapatkan lesen memandu mestilah berumur 18 tahun ke atas bagi permohonan lesen Kelas 3 iaitu bagi kenderaan persendirian atau kenderaan komersial berat bersih di bawah 3000 kg. Pemohon dikehendaki untuk mendaftar di Sekolah Memandu serta lulus dalam ujian Kod Jalan Raya dan Ujian memandu sebelum menerima lesen memandu.

Sehingga 2022, jumlah Sekolah Memandu di negara ini adalah sebanyak 19 buah iaitu 11 buah di Daerah Brunei-Muara, 5 buah di Daerah Tutong, 2 buah di Daerah Temburong dan sebuah di Daerah Belait.



PERGERAKAN PENUMPANG BAS (2012 – 2022)

JUMLAH KESELURUHAN <i>(Bus Ridership)</i>	21,550,725
Jumlah Tertinggi (Tahun)	2,799,225 (2012)
Jumlah Terendah (Tahun)	626,706 (2022)

2,799,225



(Sumber: Jabatan Pengangkutan Darat dan Pengusaha Bas)

Jumlah Pergerakan Penumpang Bas (2012 – 2022)

Perkhidmatan bas merupakan salah satu perkhidmatan pengangkutan awam yang telah lama beroperasi dan menjadi alternatif pengangkutan bagi orang awam di negara ini sejak tahun 1968.


Dari perangkaan tempoh sepanjang 11 tahun (2012–2022), jumlah tertinggi adalah pada tahun 2012 dengan sebanyak 2,799,225 pergerakan penumpang dan diikuti dengan 2,524,340 pada tahun 2016. Tren penurunan mula berlaku sejak tahun 2017 sehingga tahun 2022 yang juga dijejaskan oleh pandemik COVID-19. Tahun 2022 mencatatkan penumpang bas yang terendah dalam tempoh 11 tahun dengan hanya sebanyak 626,706 penumpang.



PEMANDU TEKSI & DART

(Memperbaharui Lesen & Permit)

	Pemandu Teksi	Pemandu Dart
Jumlah Tertinggi (Tahun)	71 (2021)	183 (2020)
Jumlah Terendah (Tahun)	25 (2020)	36 (2018)



Jumlah Pemandu Teksi (2012 – 2022) dan Pemandu Dart (2018 – 2022)
Yang Memperbaharui Lesen dan Permit

Mulai tahun 2012 sehingga 2019, jumlah pemandu tekси meningkat dari 34 ke 55 orang. Tahun 2020 mencatatkan jumlah pemandu tekси yang paling rendah dari segi memperbaharui lesen dan permit iaitu hanya 25 orang. Tahun sebelumnya telah mencatatkan jumlah pemandu yang tertinggi iaitu sebanyak 71 orang.


Manakala, bagi perkhidmatan Dart yang bermula pada bulan Mac 2018 dengan hanya seramai 36 orang pemandu pada tahun berkenaan. Peningkatan sehingga 183 pemandu dicatatkan pada tahun 2020 yang mana menjadikan jumlah tertinggi semenjak ianya beroperasi.

1.3 Keselamatan Jalan Raya




KEMALANGAN JALAN RAYA (2012 – 2022)			
	Jumlah Kemalangan	Jumlah Kecederaan	Jumlah Kematian
JUMLAH KESELURUHAN	24,989	4,734	243
Jumlah Tertinggi (Tahun)	3,375 (2016)	529 (2017)	36 (2015)
Jumlah Terendah (Tahun)	1,043 (2021)	341 (2020)	11 (2020)


(Sumber: Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas, Pasukan Polis Diraja Brunei)



Jumlah Kes Kemalangan Jalan Raya (2012 – 2022)


Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) telah ditubuhkan sejak 17 November 1977 yang bertujuan untuk mengekalkan dan mempertingkatkan tahap keselamatan jalan raya di Negara Brunei Darussalam. Sejak penubuhannya, pelbagai inisiatif diungkayahkan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang keselamatan jalan raya dan seterusnya mengurangkan kadar kemalangan yang melibatkan kecederaan serius dan juga kematian. Inisiatif antaralainnya termasuk taklimat program kesedaran jalanraya, jerayawara keselamatan jalan raya dan pelancaran e-book panduan 'Understanding your Vehicle'.

Dari tahun 2012 hingga tahun 2016, jumlah kemalangan jalan raya adalah di atas paras 3,000 kes setiap tahun. Jumlah tertinggi yang direkodkan ialah pada tahun 2016 sebanyak 3,375 kes kemalangan. Perangkaan mula menunjukkan tren penurunan pada tahun 2017 sehingga tahun 2021. Terdapat sedikit kenaikan pada tahun 2022 dengan tambahan 7 kes kemalangan.



Jumlah Kecederaan (2012 – 2022)

Jumlah perangkaan bagi kadar kecederaan akibat dari kemalangan jalan raya adalah sebanyak 4,734 kes. Tahun 2017 mencatatkan jumlah keseluruhan yang tertinggi dengan sebanyak 529 kecederaan yang terdiri dari 382 orang lelaki dan 147 orang wanita. Manakala, pada tahun 2020 mencatatkan kemalangan melibatkan kecederaan yang terendah dalam 341 orang.



Jumlah Kematian (2012 – 2022)

Perangkaan kemalangan jalan raya yang melibatkan kematian bagi tempoh 11 tahun kebelakangan menunjukkan tren yang tidak menentu setiap tahun. Tahun 2015 merekodkan jumlah kematian yang tertinggi iaitu sebanyak 36 orang.

Tahun berikutnya menunjukkan penurunan lebih separuh daripada tahun sebelumnya dengan 17 orang. Jumlah tersebut dilihat kembali menurun selama tiga (3) tahun berturut-turut pada tahun 2018 sehingga tahun 2020. Akan tetapi, jumlah meningkat kepada 20 pada tahun 2022 dan menjadikan jumlah terkumpul bagi tempoh 11 tahun adalah sebanyak 243 orang.

1.4 Pengangkutan Laut

(Sumber: Pihak Perkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam, MPABD)

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, mulai 28 September 2017, Jabatan Laut dan Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan digabungkan menjadi Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam (MPABD).

MPABD ditubuhkan sebagai badan berkuasa yang mengawalselia dan bertanggungjawab ke atas pengurusan, pentadbiran dan keselamatan hal ehwal pelabuhan dan perkapalan di Negara ini. Penubuhan MPABD ini juga membolehkan perkembangan sektor pelabuhan dan perkapalan yang lebih terancang, terarah dan teratur.

JUMLAH KESELURUHAN

Kapal Keluar & Masuk

Kapal Keluar & Masuk (2012 – 2022)

124,968

Kapal Persiaran (2012 – 2022)

160

Penumpang Keluar & Masuk (Melalui Feri Terminal Serasa)

Jumlah Penumpang (2015 – 2022)

909,548

Pengendalian Kontena & Kargo

Kontena Kapal
(TEU) (2012 – 2022)

Kargo Konvensional
(Tonnage) (2014 – 2022)

Transhipment
(TEU) (2012 – 2022)

1,182,149

5,263,255

10,213

Pendaftaran & Perlesenan Kapal

Bot Penumpang
(2012 – 2022)

Kapal Nelayan
(2012 – 2022)

Kapal Peranginan
(2012 – 2022)

967

4,688


1,604



KAPAL KELUAR & MASUK

(2012 – 2022)

	Kapal Keluar/Masuk	Kapal Persiaran
JUMLAH KESELURUHAN	124,968	160
Jumlah Tertinggi (Tahun)	13,515 (2013)	31 (2014)
Jumlah Terendah (Tahun)	10,045 (2020)	0 (2021 & 2022)



Jumlah Kapal Keluar & Masuk (2012 – 2022)

Perangkaan menunjukkan tren yang menurun bagi **kapal keluar dan masuk** melalui Terusan Muara di sepanjang tempoh 2012–2022 dengan jumlah keseluruhan 124,968 buah kapal dicatatkan dan secara purata sebanyak 11,360 buah setiap tahun.


Kapal-kapal yang dimaksudkan dalam kategori ini antaranya adalah kapal penumpang (“passenger vessel”), kapal pengangkut kenderaan (“car carrier” – RORO), kapal kontainer (“container vessel”) dan kapal pembekal (“supply vessel”). Mengikut pecahan kategori, kapal kontainer yang berlabuh di Pelabuhan Muara mencatatkan tren penurunan pada tahun 2018 hingga 2022 iaitu dari jumlah 274 buah kepada 212 buah.

Pada tahun 2021 dan 2022, jumlah kapal-kapal yang keluar dan masuk melalui Terusan Muara kembali pulih dengan masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 3.58 % dan 7.05% berbanding dengan tahun 2020.



Jumlah Kapal Persiaran (2012 – 2022)

Bagi kapal persiaran, jumlah tertinggi dicatatkan pada tahun 2013 dan 2014 masing-masing dalam jumlah 26 dan 31 buah. Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia mulai tahun 2020 telah menjelaskan industri pelancongan termasuk persinggahan kapal persiaran ke Pelabuhan Muara. Sebelum tercetusnya pandemik tersebut, tahun 2018 dan 2019 telah menerima seramai 22,297 penumpang. Tahun 2021 dan 2022 mencatatkan tidak ada persinggahan sebarang kapal persiaran disebabkan oleh sekatan perjalanan sebagai langkah-langkah mencegah penularan wabak COVID-19.




Penumpang Keluar & Masuk Feri Terminal Serasa (2015 – 2022)

Dari tahun 2015 hingga 2019, sejumlah 857,833 penumpang telah dicatatkan keluar dan masuk melalui Feri Terminal Serasa dengan purata 171,566 penumpang dalam setahun. Penurunan paling ketara bermula pada tahun 2020 hingga 2021 iaitu sebanyak 84% berbanding dengan tahun sebelumnya disebabkan oleh sekatan bagi mengelakkan jangkitan COVID-19 serta pengurangan operasi perjalanan. Sebelum tercetusnya pandemik COVID-19, tahun 2016 mencatatkan pergerakan penumpang yang tertinggi dengan jumlah 182,753. Perangkaan bagi tahun-tahun berikutnya (2015 – 2019) adalah menurun dan secara purata pergerakan penumpang bagi tempoh tersebut berjumlah 171,566. Jika jumlah keseluruhan pergerakan penumpang bagi tahun 2022 berganda setiap tahun, maka dijangka dalam tahun 2025 akan mencapai semula tahap tertinggi seperti di tahun 2016.

PENGENDALIAN KONTENA & KARGO

(2012 – 2022)



Kontena Kapal
(TEU)
(2012-2022)




Kargo Konvensional
(Tonnage)
(2014-2022)



Transshipment
(TEU)
(2012-2022)

JUMLAH KESELURUHAN	1,182,149	5,263,255	10,213
Jumlah Tertinggi (Tahun)	117,901 (2019)	735,183 (2018)	3,117 (2013)
Jumlah Terendah (Tahun)	98,506 (2016)	349,918 (2014)	28 (2017)

(Sumber: MPABD & Muara Port Company)




Jumlah Kontena Kapal (2012 – 2022)

Pelabuhan Muara merupakan pelabuhan utama di negara ini dan antaranya mengendalikan import and eksport kargo melalui kontena serta “bulk cargo”. Purata jumlah kontena kapal yang dikendalikan sepanjang tempoh 2012 – 2022 adalah sebanyak 107,468 TEU. Jumlah kontena kapal bagi empat (4) tahun kebelakangan iaitu dari tahun 2016 hingga 2019 menunjukkan peningkatan yang positif setiap tahun.

Pada tahun 2020, jumlah penurunan adalah sebanyak 9.9% (11,727 TEU) dari tahun sebelumnya disebabkan tercetusnya impak pandemik COVID-19.

Manakala bagi tahun 2021, pengendalian jumlah kontena kembali pulih dengan meningkat sebanyak 4.0% dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Ini mungkin disebabkan oleh pengalaman yang dipelajari semasa gelombang pertama COVID-19 yang melanda negara ini dan adanya prosedur operasi standard.

Seterusnya pada tahun 2022, jumlah kontena adalah 104,101 yang mana lebih rendah daripada purata 107,468 TEUs sejak tahun 2012. Pada tahun yang sama jumlah pengendalian kontena juga mencatatkan penurunan sebanyak 1.95% (2,073 TEUs) dibandingkan dengan tahun 2020.



Jumlah Kargo Konvensional (2014 – 2022)

Jumlah purata kargo konvensional yang dikendalikan oleh Pelabuhan Muara mulai tahun 2014 hingga 2022 adalah sebanyak 584,806 tan. Pada tahun 2015 hingga 2019 telah mencatatkan jumlah kargo di atas paras purata tahunan. Tahun 2018 yang mencatatkan jumlah tertinggi manakala tahun 2014 menunjukkan jumlah terendah bagi kargo konvensional.

Pengendalian kargo semasa pandemik COVID-19 mencatatkan penurunan sebanyak 38.5% pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 diikuti dengan penurunan sebanyak 6.08% pada tahun 2021 berbanding dengan tahun sebelumnya.

Pada tahun 2022, jumlah kargo konvensional kembali pulih dengan jumlah 718,491 tan iaitu hampir mencapai jumlah yang dicatatkan pada tahun 2018 (735,183 tan).



Jumlah Transhipment (2012 – 2022)

Pengendalian *Transhipment* dibahagikan kepada “*Import Laden*”, “*Export Laden*” and “*Empty Containers*”.

Jumlah *transhipment* tertinggi adalah pada tahun 2013 dengan sebanyak 3,117 TEUs manakala pada tahun 2017 mencatatkan aktiviti transhipment terendah sebanyak 28 TEUs. Dalam tempoh lima (5) tahun mulai tahun 2017 sehingga 2021, aktiviti transhipment menunjukkan peningkatan positif setiap tahun.

Jumlah *transhipment* bagi tahun 2020 dan 2021 menunjukkan peningkatan yang tinggi iaitu 112% (dari jumlah 754 ke 1,598 TEUs). Peningkatan ini adalah daripada pengendalian “*miscellaneous cargo*”. Pada tahun 2021, kebanyakan *transhipment* import adalah melalui Malaysia Timur manakala *transhipment* eksport tertinggi bagi tahun 2020 adalah melalui Semenanjung Malaysia.

PENDAFTARAN & PELESENAN KAPAL

(2012 – 2022)

			
	Bot Penumpang	Kapal Nelayan	Kapal Peranginan
JUMLAH KESELURUHAN	967	4,688	1,604
Jumlah Tertinggi (Tahun)	138 (2012)	1,164 (2012)	473 (2022)
Jumlah Terendah (Tahun)	12 (2021)	2 (2021)	0 (2016 & 2017)



Pendaftaran & Perlesenan Kapal (2012 – 2022)

Pendaftaran dan perlesenan kapal bagi bot penumpang, kapal nelayan dan kapal peranginan di negara ini secara menyeluruh telah mencatatkan sebanyak 7,259 permohonan.

Kapal nelayan yang mencatatkan jumlah permohonan tertinggi dengan jumlah 4,688 pendaftaran.

1.5 Perkhidmatan Kajicuaca

(Sumber: Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam)


Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) sebelum ini dikenali sebagai Bahagian Perkhidmatan Kajicuaca iaitu satu bahagian yang ditubuhkan pada tahun 1966 di bawah Jabatan Penerbangan Awam. Pada 1 Februari 2013, Bahagian Perkhidmatan Kajicuaca telah dinaiktaraf menjadi sebuah Jabatan yang kini dikenali sebagai Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam.

Jabatan ini berperanan dan bertanggungjawab dalam penyediaan khidmat dan maklumat kaji cuaca dan iklim di Negara Brunei Darussalam. Pada tahun 2012, BDMD melancarkan aplikasi bimbit Brunei WX dan memayukan lagi Amaran Cuaca Berkod Warna amaran cuaca khusus bagi orang awam dan terus memperbaiki perkhidmatan pengeluaran maklumat cuaca dengan memperkenalkan nasihat cuaca awam pada tahun 2016.



AMARAN & NASIHAT CUACA


	Amaran Cuaca (2012 – 2022)	Nasihat Cuaca (2012 – 2022)	Penerimaan Amaran Tsunami (2014 – 2022)	Talian Cuaca 114 (2014 – 2022)
Jumlah Tertinggi (Tahun)	345 (2021)	19 (2016)	238 (2017)	1,203 (2015)
Jumlah Terendah (Tahun)	46 (2016)	0 (2012–2015)	85 (2022)	567 (2018)



Pengeluaran Amaran & Nasihat Cuaca (2012 – 2022)

Nasihat cuaca awam berfungsi untuk memberi amaran lebih awal kepada orang ramai akan cuaca aktif bagi beberapa hari akan datang. Penurunan jumlah amaran cuaca awam yang sangat ketara pada tahun 2016 adalah berpunca dari fenomena El Nino yang berintensiti kuat di mana negara kita tidak terkecuali dari impak cuaca paling panas dan kering sepanjang 50 tahun kebelakangan.


Dalam tempoh 11 tahun kebelakangan, Jabatan Kajicuaca telah mengeluarkan sebanyak 2,302 amaran cuaca dengan jumlah tertinggi dicatatkan pada tahun 2022 iaitu sejumlah 411. Manakala sebanyak 98 nasihat cuaca telah dikeluarkan sejak tahun 2016.



Penerimaan Amaran Kejadian Tsunami (2014 – 2022)

Jabatan Kajicuaca juga berfungsi sebagai focal point dalam penerimaan maklumat, nasihat atau amaran Tsunami daripada pusat-pusat amaran Tsunami serantau dan antarabangsa seperti Pacific Tsunami Warning Centre (PTWC) melalui faksimili, emel dan melalui Meteorological Message Switching System-Global Telecommunication System (MMSS-GTS).

Perangkaan menunjukkan sejumlah 1,389 amaran telah diterima oleh Jabatan Kajicuaca sejak tahun 2014 dengan jumlah tertinggi pada tahun 2017 iaitu sebanyak 238. Amaran atau nasihat Tsunami yang diterima akan dianalisa oleh peramal cuaca yang bertugas samaada kejadian Tsunami adalah dalam lingkungan “Region of Interest” (ROI) dan akan segera dipanjangkan kepada pihak Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) untuk tindakan lanjut.



Panggilan Talian Cuaca 114 (2014 – 2022)

Talian Cuaca 114 merupakan inisiatif BDMD bagi memudahkan orang ramai untuk membuat panggilan dan berkomunikasi secara terus dengan peramal kajicuaca yang bertugas bagi mendapatkan maklumat cuaca yang terkini.

Sejak tahun 2014 hingga 2022, BDMD telah menerima sejumlah 6,662 panggilan dan tahun 2015 mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu semasa Musim Barat Daya (Jun – September) apabila negara sering mengalami cuaca aktif seperti hujan berangin ribut dan juga jerebu rentas sempadan.



PURATA TAHUNAN IKLIM (Suhu Udara, Turunan Hujan & Kelembapan Relatif, 2012 – 2022)

	Purata Suhu Udara	Turunan Hujan (mm) (LTAB)	Kelembapan Relatif (%)
Jumlah Tertinggi (Tahun)	32.5°C (2016)	3,815 mm (2021)	97% (2014)
Jumlah Terendah (Tahun)	23.6°C (2021)	2,182 mm (2016)	37% (2012 & 2019)




Purata Suhu Udara (°C), 2012 – 2022

Jumlah purata suhu udara maksimum mencatatkan 32.1°C , manakala jumlah purata suhu udara minimum ialah 24.2°C dalam tempoh 11 tahun kebelakangan. Jumlah-jumlah tersebut adalah termasuk dalam lingkungan purata normal (*normal average range*). Keadaan suhu ini tidak jauh berbeza berbanding 30 tahun yang lalu (1991 – 2020) yang mana telah mencatatkan suhu udara maksimum 32.1°C dan suhu udara minimum adalah 24.0°C .



Turunan Hujan (mm), 2012 – 2022


Sejak tahun 2012–2022, jumlah purata turunan hujan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei adalah sebanyak 3,205mm. Catatan jumlah turunan hujan terendah direkodkan pada tahun 2016 yang disebabkan oleh fenomena El Niño (berintensi kuat) yang berlaku pada tahun berkenaan. Manakala, jumlah turunan hujan tertinggi ialah pada tahun 2021 di mana fenomena La Niña telah melanda dunia pada tahun tersebut.



Kelembapan Relatif (%), 2012 – 2022

Jumlah purata maksimum kelembapan relatif adalah 87.2% dan jumlah purata minimum adalah 42.9% dalam lingkungan purata normal. Jumlah peratus kelembapan relatif maksimum tertinggi ialah tahun 2014 dengan 97% dan maksimum terendah pada tahun 2020 merekodkan 77%. Manakala bagi kelembapan relatif minimum yang tertinggi adalah tahun 2020 sebanyak 54% dan terendah sebanyak 37% yang dicatatkan pada tahun 2012 serta 2019.

Sektor Infokomunikasi



2.1 Telekomunikasi

(Sumber: Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi, AITI)

Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi (AITI) merupakan sebuah badan pengawalselia sektor ICT di Negara Brunei Darussalam yang ditubuhkan pada 1 Januari 2003.

Penubuhan AITI seperti yang diperuntukkan di bawah Perintah AITI 2001 adalah bertepatan dengan dasar Kerajaan bagi penubuhan badan kawalselia yang akan memantau perkembangan dan pembangunan industri ICT. Dengan penubuhan AITI, perkembangan dalam sector ICT dapat dilihat dengan penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan ICT yang diberikan secara competitive oleh syarikat-syarikat penyedia.

JUMLAH KESELURUHAN

Pelanggan Telefon Bimbit

Prepaid (2022)

401,422

Postpaid (2022)

127,301

Pelanggan Broadband

Mobile Broadband (2022)

533,524

Fixed Broadband (2022)

90,186

Fixed Line

Jumlah Pelanggan (2022)

122,204

Langganan / 100 Penduduk (2022)

28.42%

Liputan Rangkaian

Peratus Liputan Rangkaian

99% (2021)
(2G)


97% (2022)
(3G)

98.6% (2022)
(4G)

Fiber To The Home (FTTH) Coverage

Peratus Coverage (2022)

94.42%



Pelanggan Telefon Bimbit (2012 – 2022)


Pada keseluruhannya, tren pelanggan telefon bimbit (*prepaid* dan *postpaid*) sejak tahun 2012 adalah tidak konsisten. Tahun 2021 mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 603,486 pelanggan manakala tahun 2014 menunjukkan jumlah terendah hanya 452,054 pelanggan.

Setakat tahun 2022 menunjukkan sebanyak 528,723 pelanggan yang terdiri daripada 401,422 pengguna *prepaid* dan 127,301 pengguna *postpaid*. Ini bermakna, sebanyak 75% pengguna memilih perkhidmatan *prepaid* berbanding *postpaid*.

Walaubagaimanapun, jumlah *postpaid* menunjukkan tren yang meningkat setiap tahun kecuali tahun 2019 dan 2020.




BROADBAND (2012 – 2022)		
	Mobile Broadband (Jumlah Pelanggan)	Fixed Broadband (Jumlah Pelanggan)
JUMLAH KESELURUHAN (Kumulatif)	533,524	90,186



Mobile Broadband (2012 – 2022)

Pengguna jalur lebar mudah alih (*mobile broadband*) menunjukkan peningkatan yang tidak menentu. Akan tetapi jika dilihat pertumbuhan 11 tahun yang lalu (2012–2022), ianya menghasilkan perkembangan yang positif. Perangkaan juga menunjukkan langganan per 100 penduduk pun meningkat dengan jumlah tertinggi pada tahun 2021 sebanyak 141.7% dan yang terendah adalah pada tahun 2013 dengan 91.4%.



Fixed Broadband (2012 – 2022)

Jumlah langganan per 100 penduduk setakat tahun 2022 adalah 21%. Catatan peningkatan tertinggi bagi tempoh 11 tahun kebelakangan adalah pada tahun 2020 dengan pertumbuhan sebanyak 16,702 pelanggan dari tahun 2019 bertepatan dengan tercetusnya wabak COVID-19.



FIXED LINE


(2012 – 2022)

	Jumlah Pelanggan	Langganan/100 Penduduk (%)
	122,204	28.42%
JUMLAH KESELURUHAN		



Fixed Line (2012 – 2022)

Jumlah pelanggan “Fixed Line” setakat tahun 2022 merekodkan sebanyak 122,204 pelanggan. Jumlah tersebut meningkat sebanyak 8.8% iaitu 9,906 pelanggan berbanding tahun 2021.




Bagi liputan rangkaian telekomunikasi di negara ini, rangkaian 2G tidak lagi digunakan. Setakat tahun 2022, liputan rangkaian di negara ini menggunakan 3G dengan 97% liputan dan 4G dengan 98.6% liputan. Pihak AITI telah berusaha untuk memberikan liputan yang terbaik dengan projek-projek untuk memodenkan industri telekomunikasi di negara ini.

Fibre to the Home (FTTH) Coverage
(2016 – 2022)

% Tertinggi (Tahun)

94.42% (2022)



Fiber to the Home (FTTH) Coverage (2016 – 2022)

Bagi penyambungan jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB), kaedah yang digunakan adalah dengan penyambungan *Fiber to the Home* (FTTH) dimana meliputi semua daerah di negara ini. Setakat tahun 2022, rangkaian FTTH telah meliputi 94.42% berbanding tahun 2016 hanya 43%.

2.2 Perkhidmatan e-Kerajaan

(Sumber: Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, EGNC)

Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri pada 1 April 2008 yang berperanan sebagai sebuah Jabatan Kerajaan menumpukan perhatian kepada bidang ICT dalam Perkhidmatan Awam.

Ini terdiri daripada menyelia pembangunan kakitangan ICT, memusatkan perolehan peralatan ICT, menyediakan perkhidmatan gunasama (shared services) bagi kesemua kementerian dan juga bertanggungjawab sebagai pihak berkuasa teknikal untuk projek-projek IT yang dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan untuk memastikan pematuhan mengenai hal-hal teknikal dan strategi keseluruhan.

Pada Disember 2019, EGNC telahpun diserapkan ke Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC).

JUMLAH KESELURUHAN

Akaun e-Darussalam

Pendaftaran Akaun (2012 – 2022)

216,806

Akaun Yang Aktif (2012 – 2022)

188,704

Talian Darussalam 123


Jumlah Panggilan (2014 – 2022)

3,783,577



gov.bn (Akaun E-Darussalam) (2012 – 2022)


	Pendaftaran Akaun	Akaun Yang Aktif
JUMLAH KESELURUHAN	216,806	188,704
Jumlah Tertinggi (Tahun)	46,267 (2021)	38,917 (2015)
Jumlah Terendah (Tahun)	2,199 (2012)	913 (2012)



gov.bn (Akaun e-Darussalam), 2012 – 2022


Akaun e-Darussalam mula dikenalkan pada bulan Julai 2011. Perangkaan dari tahun 2012 sehingga tahun 2014 menunjukkan jumlah purata pendaftaran dan pengaktifan masing-masing sebanyak 4,217 dan 3,089. Jumlah purata telah meningkat bermula pada tahun 2015 hingga 2022 sebanyak 25,519 pendaftaran dan 22,429 pengaktifan akaun.

Jumlah pendaftaran secara keseluruhannya bagi tempoh 2012 – 2022 adalah sebanyak 216,806 manakala jumlah pengaktifan akaun mencatatkan 188,704.



Pendaftaran Akaun (2012 – 2022)

Jumlah kumulatif pendaftaran akaun setakat tahun 2022 adalah sebanyak 216,806. Indikasi ini menunjukkan 49% penduduk negara ini telah membuat pendaftaran akaun e-Darussalam.



Akaun Yang Aktif (2012 – 2022)

Manakala, jumlah kumulatif pengaktifan akaun setakat tahun 2022 adalah sebanyak 188,704 pengguna. Perbezaan jumlah pengaktifan akaun berbanding akaun yang belum aktif adalah sebanyak 42,051 pengguna (26%).




Talian Darussalam 123

(2014 – 2022)

Jumlah Panggilan

JUMLAH KESELURUHAN	3,783,577
Jumlah Tertinggi (Tahun)	774,127 (2021)
Jumlah Terendah (Tahun)	181,627 (2014)



Talian Darussalam (TD123), 2014 – 2022

Sejak Talian Darussalam TD123 diperkenalkan pada April 2014, purata setiap tahun adalah sebanyak 387,544 panggilan. Sehingga 2022, keseluruhan panggilan yang diterima melalui TD 123 berjumlah 3.783.577.

Pada tahun 2020, jumlah panggilan telah meningkat sebanyak 441,589 dan diikuti pada tahun 2021 sebanyak 774,127. Kedua-dua tahun tersebut adalah disebabkan oleh impak pandemik COVID-19 yang melanda di negara ini.

2.3 Perkhidmatan Pos

(Sumber: Jabatan Perkhidmatan Pos)

PEJABAT POS				
	Daerah Brunei-Muara	Daerah Belait	Daerah Tutong	Daerah Temburong
JUMLAH KESELURUHAN	21			
Jumlah	13	4	3	1

Pada tahun 1906 (Perjanjian Persahabatan), Pejabat Pos Kerajaan telah dibina oleh Residen British dan sejak tahun 1984, Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP) adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Perhubungan (yang kini dikenali sebagai Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi).

Jabatan Perkhidmatan Pos adalah sebuah jabatan kerajaan bertujuan untuk mewujudkan perhubungan perkhidmatan mel yang menyeluruh di seluruh dunia dengan mempelbagaikan produk dan perkhidmatan pos untuk kemampanan ekonomi serta memudahkan pergerakan barang dan perkhidmatan melalui pos. Sehingga kini, jumlah keseluruhan pejabat pos di negara ini adalah sebanyak 21 buah. Dari jumlah bekenaan, terdapatnya perbezaan penyediaan perkhidmatan di pejabat pos masing-masing seperti penghantaran surat, bahan bercetak, paket kecil, bungkusan, speedpost (EMS) & Pos Laju, Barang Berdaftar, poskad, perkhidmatan agensi Jabatan Pengangkutan Darat dan lain-lain.


PERKHIDMATAN POS		
	Jumlah Tertinggi (Tahun)	Jumlah Terendah (Tahun)
 Surat	7,505,241 (2016)	1,641,971 (2022)
 Bahan Bercetak	385,946 (2012)	39,600 (2021)
 Paket Kecil	327,117 (2019)	98,109 (2012)
 Bungkusan	23,145 (2014)	5,022 (2021)
 EMS Speedpost	56,541 (2014)	12,052 (2021)
 Poslaju	60,142 (2021)	11,225 (2012)
 Barang Berdaftar	244,829 (2019)	125,844 (2022)
 Poskad	58,656 (2012)	946 (2022)



Jumlah Surat (2012 – 2022)

Perkhidmatan surat yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos adalah termasuk surat tempatan dan antarabangsa. Had maksima bagi pengendalian surat adalah tidak melebihi 2 kg.


Perangkaan surat menunjukkan penurunan sehingga 3 kali ganda dalam tempoh 11 tahun. Secara keseluruhannya, penyumbang terbesar bagi pengendalian surat ini adalah surat tempatan iaitu sebanyak 80%. Penggunaan surat masih kekal relevan digunakan oleh orang ramai khasnya jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat-syarikat swasta meskipun mengalami penurunan drastik disebabkan peredaran tren komunikasi dari semasa ke semasa.



Jumlah Bahan Bercetak (2012 – 2022)

Perangkaan Bahan Bercetak dalam tempoh 10 tahun turut mengalami jumlah yang tidak konsisten pada empat (4) tahun awalnya. Namun di tahun seterusnya sehingga tahun 2021, jumlah pengendalian Bahan Bercetak adalah semakin menurun. Alhamdulillah, pada tahun 2022, menampakkan peningkatan sebanyak 14%. Beberapa Jabatan Kerajaan dan Syarikat Swasta tempatan mahupun di luar negara sebelum ini cenderung menggunakan mel Bahan Bercetak sebagai kaedah perkongsian isu semasa serta promosi produk dan perkhidmatan kepada pelanggannya. Peredaran masa kini lebih menjurus kepada era digital komunikasi sebagai wadah perhubungan.


Antara bahan bercetak yang diproses dan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos adalah seperti penerbitan akhbar, majalah, risalah dan buku-buku. Had maksima bagi pengendalian bahan bercetak ini adalah tidak melebihi 5 kg.



Jumlah Paket Kecil (2012 – 2022)


Paket kecil merupakan mel yang dikategorikan surat yang mengandungi barang “e-commerce” dan merupakan “non-priority mail”. Had maksima bagi pengendalian paket kecil ini adalah tidak lebih daripada 2 kg. Tren perangkaan paket kecil menunjukkan peningkatan yang ketara pada tahun 2019 kebelakangan walaupun mengalami penurunan yang mendadak pada tahun 2020.

Penyumbang terbesar bagi perangkaan ini adalah hasil daripada mel “e-commerce” atau pembelian secara atas talian yang tiba ke negara ini. Sejak tahun 2020 sehingga kini, pengendalian Paket Kecil adalah 100% terdiri daripada Mel Paket Kecil masuk ke negara ini. Tiada pengendalian dicatatkan bagi perangkaan Paket Kecil tempatan dan keluar negara yang diproses oleh Jabatan perkhidmatan Pos di tempoh masa tersebut.



Jumlah Bungkusan (2012 – 2022)

Pengendalian mel bungkusan dalam tempoh awal empat (4) tahun adalah meningkat namun di tahun berikutnya iaitu tahun 2015 mengalami tren yang semakin menurun. Tahun 2020 telah mencatatkan penurunan yang terlalu drastik iaitu sebanyak 63%. Majoriti pengendalian Bungkusan adalah 99% terdiri daripada mel yang diterima daripada luar negara dan punca penurunan jumlah pengendalian di tahun tersebut adalah disebabkan impak daripada wabak COVID-19. Had berat bagi pengendalian bungkusan di Negara Brunei Darussalam adalah sekitar 2 kg sehingga 10 kg.




Express Mail Service (EMS) & Speedpost (2012 – 2022)

Perkhidmatan EMS SpeedPost Antarabangsa (“International Express Mail Services”) salah satu produk perkhidmatan premium dan eksklusif dengan menyediakan penerimaan dan penghantaran dokumen dan merchandise yang tidak melebihi 30 kg ke lebih 64 buah negara. Perkhidmatan ini telah mula diperkenalkan sejak tahun 1980. Antara kelebihan produk perkhidmatan ini adalah ianya lebih sistematik, mempunyai sistem jejak dan kesan (“Track & Trace System”) dan menyediakan perkhidmatan “Door to Door Delivery” bagi pelanggan yang berdaftar sebagai “contract customer” dengan jabatan ini.


Pengendalian “Express Mail Service” (EMS), “Speedpost” (antarabangsa) mengalami tren penurunan dalam tempoh 7 tahun kebelakangan. Secara purata, 75% - 80% mel Speedpost ini adalah pengendalian mel masuk selama 10 tahun kebelakangan. Walau bagaimanapun, tahun 2021 telah mencatatkan sejarah yang mana buat julung kalinya pengendalian mel EMS ke luar negara adalah lebih tinggi dikendalikan daripada mel masuk iaitu sebanyak 60% daripada jumlah keseluruhan EMS Speedpost.

Perangkaan Poslaju (tempatan) adalah tidak konsisten memandangkan terdapatnya persaingan daripada pihak individu dan syarikat tempatan yang menjalankan perkhidmatan penghantaran tempatan ekspres sejak tahun 2018. Walau bagaimanapun, sejak tahun 2020, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk meningkatkan penggunaan Poslaju Jabatan ini iaitu antaranya seperti kerjasama di antara syarikat-syarikat tempatan (SME - eKedai) dan penghantaran perkhidmatan membaharui lesen kenderaan dan lesen memandu.



Barang Berdaftar (2012 – 2022)

Perangkaan Barang Berdaftar (“Registered Item”) menunjukkan perkembangan yang sangat positif sejak tahun 2012 sehingga tahun 2019. Pada tahun 2020 berlakunya kemerosotan sehingga 44% disebabkan impak wabak COVID-19 yang berlaku di seluruh dunia. Akan tetapi di tahun seterusnya, mel Barang Berdaftar kembali meningkat 25%. Sebanyak lebih 80% pengendalian Barang Berdaftar adalah mel yang masuk daripada luar negara. Barang Berdaftar terdiri daripada surat berdaftar, dan paket berdaftar yang mempunyai kod berdaftar (barcode) di setiap mel yang ditujukan kepada pelanggan. Pengendalian had maksima bagi kategori mel ini adalah tidak melebihi 2 kg. Para pembeli atas talian lebih gemar menggunakan perkhidmatan Barang Berdaftar disebabkan ianya bersistematis, selamat dan boleh dijejaki keberadaannya melalui “tracking number” yang diberikan oleh pembekal serta pengirim barang.



Poskad (2012 – 2022)

Poskad merupakan kertas kad bod segi empat yang digunakan untuk menulis ucapan pendek tanpa menggunakan sampul surat. Pengendalian poskad menunjukkan tren yang tidak konsisten. Namun di tiga tahun kebelakangan, pengendaliannya adalah semakin merosot disebabkan keperluannya yang semakin berkurangan daripada orang ramai untuk menggunakan mel poskad sebagai wadah perhubungan sesama sendiri. Tahun 2020 telah mencatatkan pengendalian poskad yang menurun secara drastik sehingga 80% dan punca penurunan berkenaan adalah disebabkan impak daripada wabak COVID-19 yang telah berlaku di seluruh dunia.

